

Sel. P.U. 38.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PERUNTUKAN MENGENAI LESEN
BERSAMA-SAMA (MAJLIS PERBANDARAN PETALING JAYA)
1992

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-
undang
Kecil

1. Nama dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Lesen bersama-sama.
4. Syarat-syarat lesen.
5. Tempoh lesen.
6. Lesen hendaklah dipamerkan.
7. Salinan lesen.
8. Borang permohonan lesen dan lain-lain.
9. Pembatalan.

JADUAL PERTAMA.

JABATAN UNDANG-UNDANG,
MAJLIS PERBANDARAN PETALING JAYA,
SUITE 5.01, TINGKAT 5,
MENARA MPPJ, JALAN TENGAH,
46200 PETALING JAYA.
TEL. No. 7586487 / 7579512
FAX No. 7586491

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PERUNTUKAN MENGENAI LESEN BERSESAMA (MAJLIS PERBANDARAN PETALING JAYA) 1992.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73, 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Petaling Jaya dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-Undang Kecil berikut:

Akta 171.

Nama dan pemakarain.

Tafsiran.

Lesen bersesama.

Syarat-syarat lesen.

Tempoh lesen.

Lesen untuk diilah dipamerkan.

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Peruntukan Mengenai Lesen Bersesama (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 1992** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Petaling Jaya sahaja.

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertiinya Akta Kerajaan Tempatan 1976;

“Lesen” termasuklah permit;

“Lesen yang dikeluarkan bersesama” termasuklah lesen yang dikeluarkan secara komposit;

“Majlis” ertiinya Majlis Perbandaran Petaling Jaya;

“Setiausaha” ertiinya Setiausaha Majlis Perbandaran Petaling Jaya;

“Yang Dipertua Majlis” ertiinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

3. Mana-mana lesen atau permit yang diberikan oleh Majlis dibawah mana-mana Undang-Undang Kecil dan Undang-Undang Kecil di dalam Jadual Pertama boleh dikeluarkan bersesama dengan mana-mana lesen atau permit lain.

4. (i) Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi adalah tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh Majlis dan boleh dibatalkan oleh Majlis pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(ii) Pembatalan mana-mana lesen atau permit tertentu yang diketuharkan bersesama dengan mana-mana lesen atau permit lain dibawah Undang-Undang Kecil 3 tidak akan menyentuh keesahan mana-mana lesen atau permit lain yang telah dikeluarkan bersesama dengannya.

5. Sesuatu lesen adalah sah selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun.

6. Pemegang Lesen hendaklah mempamerkan lesennya itu pada setiap masa di sesuatu tempat yang mudah diihat di premis itu dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa meminta lesen itu dikemukakan.

7. (i) Di dalam Undang-Undang Kecil ini apa-apa sebutan mengenai perkataan lesen hendaklah termasuk juga salinan sah yang diperakui. Salinan lesen.

(ii) Pemerakuan mana-mana lesen sebagai satu salinan yang sah hendaklah dibuat oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua secara bertulis.

8. (i) Bentuk borang permohonan atau lesen bersesama hendaklah menurut sepertimana yang ditetapkan oleh Majlis dan tertakluk kepada apa-apa syarat dan pindaan yang dibuat oleh Majlis dari masa ke semasa. Borang permohonan lesen dan lain-lain.

(ii) Mana-mana borang permohonan lesen yang dikeluarkan boleh dikenakan bayaran mengikut fee yang ditetapkan oleh Majlis.

9. Mana-mana peruntukan di bawah mana-mana Undang-Undang Kecil di dalam Jadual Pertama yang bertentangan dengan peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah dianggap sebagai terbatal dan dimansuhkan. Pembatalan.

JADUAL PERTAMA

(Undang-undang Kecil 3)

1. Undang-undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 1987.
2. Undang-undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 1991.
3. Undang-undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 1982.
4. Undang-undang Kecil Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 1986.
5. Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 1982.

Diperbuat oleh Majlis Perbandaran Petaling Jaya dalam mesyuaratnya pada 28hb Mac 1992.

ISKANDAR BIN ASTAR,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Petaling Jaya

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 6hb Mei 1992.

SETIAUSAHA,
MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PROVISION OF JOINT LICENCE (MUNICIPAL COUNCIL
OF PETALING JAYA) BY-LAWS 1992

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-Laws

1. Citation and application.
2. Interpretation.
3. Joint Licence.
4. Conditions of licence.
5. Period of licence.
6. Licence shall be exhibited.
7. Certification of licence.
8. Arrangement of form and joint licence.
9. Cancellation.

FIRST SCHEDULE.

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PROVISION OF JOINT LICENCE (MUNICIPAL COUNCIL OF PETALING JAYA)
BY-LAWS 1992

IN exercise of the powers conferred by sections 73, 102 and 102A of the Local Government Act 1976, the Municipal Council of Petaling Jaya hereby makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following By-laws:

1. These By-laws may be cited as the Provision of Joint Licence (Municipal Council of Petaling Jaya) 1992 shall apply only to the area of the Municipal Council of Petaling Jaya.

Citation and application.

2. In these By-laws, unless the context otherwise requires—

Interpretation.

“Act” means Local Government Act 1976;

“Council” means the Municipal Council of Petaling Jaya;

“Licence” includes permit;

“Licence Jointly issued” includes licence issued in composite;

“President” means President of the Municipal Council of Petaling Jaya and includes the Deputy President;

“Secretary” means secretary of the Municipal Council of Petaling Jaya.

3. Any licence or permit granted under any by-laws and By-laws in the First Schedule may be issued jointly with any other licence or permit.

Joint licence.

4. (i) Every licence or permit issued is subject to any conditions and restrictions the Council deems fit and may be cancelled at any time by the Council without assigning any reason there to.

Conditions of licence.

(ii) The revocation of any particular licence or permit issued jointly with any licence or permit under by-laws 3, shall not affect the validity of any other licence or permit with which it had been jointly issued.

5. A licence shall be valid for a period not exceeding three years.

Period of licence.

6. A licensee shall at any time exhibit the licence at the prominent place in the premise and shall produce the licence to any of the authorised officer of the Council if requested.

Licence shall be exhibited.

7. (i) In these By-laws, any reference to the word licence shall also include any certified true copy.

Certification of licence.

(ii) The Certification of any licence as a true copy shall be made by the President, Secretary or any officer authorised by the President in writing.

Arrangement
of form and
joint licence.

8. (i) The application form or joint licence may be determine by the Council and shall subject to any amendment from time to time by the Council.

(ii) Any application form for licence issued may be imposed with payment according to the fee determine by the Council.

Cancellation.

9. Any provision under any By-laws in the First Schedule which is contrary to any provisions under these By-laws is deem to be null and void.

FIRST SCHEDULE

(By-laws 3)

1. Licensing of Trade, Business and Industries (Petaling Jaya Municipal Council) By-laws 1987.
2. Advertisements (Petaling Jaya Municipal Council) By-laws 1991.
3. Barber Shops and Hairdressers (Petaling Jaya Municipal Council) By-laws 1982.
4. Licensing of Private Car Parks (Petaling Jaya Municipal Council) By-laws 1986.
5. Hawkers (Petaling Jaya Municipal Council) By-laws 1982.

Made by the Municipal Council of Petaling Jaya in its meeting on 28th March 1992.

ISKANDAR BIN ASTAR,
President,
Municipal Council of Petaling Jaya

Confirmed by the State Authority in its meeting on the 6th May 1992.

CLERK OF THE EXECUTIVE COUNCIL,
SELANGOR